



**TERAJU**  
PENERAJU BUMIPUTERA

## siaran media

UNTUK TERBITAN SEGERA  
SELASA 5 SEPTEMBER 2017

### **TERAJU menerajui kemajuan ekonomi di Sabah menerusi inisiatif Dana Mudahcara, kerjasama strategik, peluang pendidikan dan projek pembangunan semula**

KOTA KINABALU --- Tujuh syarikat Bumiputera hari ini menerima Dana Mudahcara berjumlah RM12.845 juta manakala sebelas individu menerima Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera berjumlah RM417,550, kedua-dua dana dari TERAJU, sebuah unit strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri bertujuan meneraju, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU Datuk Husni Salleh berkata, "Inisiatif tersebut dilaksanakan dengan kerjasama kerajaan negeri dan pihak berkuasa koridor ekonomi serantau seperti Sabah Economic Development And Investment Authority 'SEDIA', - ke arah mencapai objektif Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETR), dalam meningkatkan kedudukan dan memastikan kesamaan sosioekonomi Bumiputera dalam ekonomi negara kita."

Tujuh syarikat-syarikat Sabah yang menerima suntikan Dana Mudahcara TERAJU, termasuk Hemat Fajar Sdn Bhd, Winner Inspection Sdn Bhd, Empada Sdn Bhd, Integrated Logistics Solutions Sdn Bhd, Fasarina Hotel Management dan Service Sdn Bhd, S M Wawasan Sdn Bhd dan Saeedullah Enterprise Sdn Bhd.

Manakala, sebelas warga Sabah yang menerima Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera adalah Atilin Jamin, Nurashid Samat, Rosidang Abu Bakar, Nita Linsub, Julita Dalinsi, Jusari Malanzu, Felicia Paii, Flavian L Majail, Hanafiah Mohd Nasir, Joardy Mardeko dan Vianni Vincent.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman menyampaikan cek replika kepada penerima-penerima selepas mempengerusikan mesyuarat kedua Majlis Ekonomi Bumiputera Sabah bagi tahun 2017.

Lima puluh lima usahawan terpilih juga sebelum ini telah menerima RM2.336 juta di bawah Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera dari TERAJU dalam usaha membantu meningkatkan pembangunan di negeri Sabah.



Dalam usaha untuk terus memacu kemajuan serta pembangunan di Sabah, dua pertukaran dokumen secara rasmi oleh TERAJU telah dilaksanakan, bersama Sabah Economic Development and Investment Authority 'SEDIA' dan SEDCOVEST Holdings Sdn Bhd.

Di majlis yang sama, empat belas pelajar dari negeri Sabah turut menerima surat tawaran daripada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) bagi melanjutkan pelajaran mereka di peringkat institusi pengajian tinggi.

Para penerima adalah Ahmad Tajjudin Zakaria, Aqira Junin, Branden Ernest Azman, Clarice Sandra Rajim, Connien Jonius, Fantagiro Venisa Daniel, Mahmuddin Salim, Marsha Omar Ali, Mohd Al Mussa Ugak, Nor Farjanah Nasir, Norlilah Leesta, Norfatihah Yakka, Nurul Asyiqin Halidin dan Siti Nirwannah Rajali @ Razali.

YPPB merupakan satu inisiatif di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera yang dilancarkan di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang bertumpu untuk meningkatkan kualiti, kuantiti dan keberkesanan bakat-bakat Bumiputera sejajar dengan usaha kerajaan dalam menaiktaraf Malaysia kearah negara berpendapatan tinggi melalui pembiayaan pendidikan akademik (Peneraju Tunas), pensijilan vokasional (Peneraju Skil) dan profesional (Peneraju Profesional).

Ketua Menteri Sabah kemudiannya merasmikan projek pembinaan semula Anjung Selera Tanjung Lipat, projek pembangunan seluas 51,130 kaki persegi yang akan menjadi mercu tanda premis usahawan Bumiputera di bandaraya Kota Kinabalu bertujuan menyediakan pusat perniagaan yang selesa dan teratur kepada pengusaha Bumiputera dalam bidang makanan, peruncitan dan perkhidmatan

Projek ini adalah usahasama di antara TERAJU di bawah Program Pembangunan Usahawan dan Modal Insan Sabah dengan SEDCOVEST Holdings Sdn Bhd, salah sebuah anak syarikat kumpulan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu selaku pemilik tanah.

Projek pembinaan semula yang memakan kos RM13.5 juta ini akan bermula bulan September 2017 dan dijangka siap pada Disember 2018, turut akan menyediakan 112 ruang letak kereta untuk kemudahan awam.

**SIARAN MEDIA** disediakan dan diedarkan bagi pihak **TERAJU** oleh firma perunding perhubungan awam **GRA COMMUNICATIONS SDN BHD**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Ghazalie Abdullah** +6017 336 1090 atau **Yusuf Abd Alim** +6013 2505504 atau **Abd Azim Shakron** +6019 385 1095.



#### **MENGENAI TERAJU**

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah ditubuhkan pada 8 Februari 2011 sebagai unit strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri bertujuan menerajui, memacu dan menyelaras penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara.

Bertindak sebagai 'Game Changer', TERAJU dipacu berdasarkan lima teras di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 (BETR 2.0) – iaitu, memperkuatkan modal insan, menggalakkan pekerjaan dan pendapatan bernilai tinggi, meningkatkan saham Bumiputera dan nilai ekuiti korporat, memperkuatkan keusahawanan, serta meningkatkan pemilikan aset bukan kewangan.

Selain daripada sudut ekonomi, TERAJU juga berperanan dalam aspek kesejahteraan hidup seperti pendidikan, kesihatan, sosial dan budaya, hidup dalam persekitaran yang selesa dan dinamik, serta mengangkat martabat Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi dengan penerapan aspek sosial melalui Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB).

Sehingga kini, TERAJU telah berjaya mencipta nilai sebanyak RM112 bilion untuk Bumiputera, mencipta lebih daripada 43,000 peluang pekerjaan, RM13.29 bilion pelaburan swasta Bumiputera dari Dana Mudahcara, serta mencatat sebanyak RM8.6 bilion modal pasaran daripada penyenaraian syarikat-syarikat Bumiputera di Bursa Malaysia.

Kerangka kejayaan TERAJU dibina menerusi kerjasama Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) di bawah 24 buah kementerian dan Jabatan Perdana Menteri. UPEB diselia oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang diketuai oleh Perdana Menteri Malaysia. Inisiatif-inisiatif pula dilaksanakan bersama-sama dengan agensi kerajaan di pelbagai peringkat, koridor-koridor ekonomi, GLC/GLIC dan sektor swasta.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.teraju.gov.my](http://www.teraju.gov.my).